

KPDNHEP serius pantau ghost smoke

KUANTAN - Pemeriksaan berterusan bagi memantau penjualan dan kemasukan gula-gula ghost smoke diteruskan ke seluruh Pahang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pahang, Sufian Abbas berkata, pemeriksaan menyeluruh dilakukan terhadap peniaga runcit dan peniaga kawasan sekolah susulan penjualan gula-gula tersebut di empat negeri iaitu Kelantan, Perak, Sarawak dan Johor.

Menurutnya, inisiatif diambil bagi mengurangkan kebimbangan dan keraguan ibu bapa terhadap gula-gula terbabit yang dibawa masuk dari luar negara oleh syarikat pengimpor yang dipercayai berpangkalan di Lembah Klang.

"KPDNHEP dikerahkan membuat pemeriksaan di seluruh negeri dengan menyeraskan premis runcit dan penjaja berham-piran sekolah, selain syarikat pemborong.

"Kita belum terima apa-apa aduan atau aduan daripada ibu bapa mahupun pihak sekolah dan guru. Walaupun pemeriksaan menyeluruh telah dibuat, kita tidak menemukan apa-apa. Boleh jadi setelah usaha besar-besaran ini dilakukan, peniaga bertindak menyimpannya," katanya ketika dihubungi semalam.